

Uchapan Y.B. Menteri Pelajaran Enche' Hussein Onn  
di-upachara pembukaan Seminar "Pendidekan Untok  
Kewarganegaraan" Persatuan Murid2 Tua Sekolah  
Petang Methodist, (MASOBA) Kuala Lumpur pada 4/9/71  
jam 10.30 pagi di-Universiti Malaya

Saya menguchapkan berbanyak terima kaseh kepada Jawatan Kuasa pelajaran  
Persatuan Murid2 Tua Sekolah Petang Methodist Kuala Lumpur kerana kehormatan  
yang di-beri kepada saya membuka Seminar ini.

Thema Seminar ini ia-lah Pendidekan untok Kewarganegaraan dan bagai  
mana yang di-terangkan oleh pihak pengelola Seminar ini, tujuan-nya adalah  
untok memusatkan perhatian ahli2 persatuan ini dan juga orang ramai ke-atas  
tajok yang penting ia itu Pelajaran Kewarganegaraan.

Melihat kepada senarai kertas2 kerja yang akan di-bentangkan dan di-  
bahathkan dalam Seminar ini, saya yakin bahawa seminar ini bukan sahaja  
menjadi suatu kebaikan malahan juga akan memberi suatu faedah yang membena.  
Kertas2 kerja yang akan di-bentangkan ia lah:-

- (1) Pendidekan untok Kewarganegaraan
- (2) Kebebasan dan Kuasa di-Universiti, yang mana baru2 ini telah menjadi  
bagitu terkemuka terutama sekali di-kalangan pelajar2 Universiti.
- (3) Peranan Siviks dalam bidang Pelajaran
- (4) Warganegara kita dan Rukunegara
- (5) Pelajaran Tinggi di-Malaysia hari ini
- (6) Belia dan Politik.

Perkara2 untok kertas2 kerja ini telah di-pilih dengan betul dan  
sesuai kapada thema seminar ini.

Oleh kerana saya boleh di-anggap baharu dalam lapangan politik, saya  
mungkin di-sifatkan sebagai sa-orang ahli politik yang mentah, terutama  
sekali bagi mereka yang tidak bersetuju dengan pandangan dan tindakan2 saya.  
Tetapi apabila saya jadi lebeh matang lagi, mungkin saya akan di-anggapkan  
sebagai sa-orang Negarawan yang di-hormati, oleh mereka2 yang bersetuju dengan  
saya, dan kapada mereka yang maseh tidak lagi bersetuju dengan saya, saya  
bukan sahaja sa-orang ahli politik yang mentah malahan juga sa-orang ahli  
politik yang tidak boleh di-tunjok ajar.

Lazim-nya, ahli2 politik membanggakan diri kerana mempunyai kecekapan  
dalam lapangan politik di-mana mereka dapat membuat ramalan2 tentang perkara2  
yang akan berlaku serta mengelakkan di-mana boleh daripada berlaku. Adalah  
di-anggapkan bahawa sa-orang menteri politik di-beringaji mengikut pengalaman  
politik-nya serta juga sefahaman-nya terhadap orang ramai.

Saya di-sifatkan sabagai sa-orang yang serious sama ada terhadap  
pekerjaan atau pun dari segi wajah dan sifat saya. Memandang daripada  
apa yang berlaku baru2 ini saya mesti-lah berhati2 apa yang saya uchapkan  
dan bagaimana saya menyampaikan-nya. Oleh itu apa yang baru saya katakan tadi  
berkenaan dengan diri saya dan ahli2 politik seluruh-nya boleh-lah di-terima  
dengan serious-nya atau tidak mengikut keadaan-nya masing2. Jika terdapat  
persamaan tentang keterangan bagi diri saya dan ahli2 politik yang lain ini  
ada-lah chara kebetulan sahaja.

Sekarang berbalek kepada seminar ini dan berchakap dengan nada yang serious kita semua sedia maalum bahawa matlamat dalam pelajaran adalah untuk kebahagiaan dan kebajikan masyarakat. Hasil daripada pelajaran ia-lah mengeluarkan maanusia dan warganegara yang berguna. Generasi yang akan datang adalah di-tentukan oleh pelajaran yang di-beri di-sekolah2, maktab2 dan universiti2 kita hari ini.

Kita mempunyai suara dalam pentadbiran negeri ini, dan salah satu daripada tanggung-jawab kita sebagai warganegara negeri ini ia-lah untuk mensesuaikan diri kita dengan tanggung-jawab yang penting ini. Ini berkehendakkan kita mengkaji dan berfikir sadalam2-nya serta juga mempunyai semangat muhibbah terhadap perkara ini.

Ra'ayat negara ini terdiri daripada pelbagai bangsa dan mempunyai agama dan kebudayaan yang bukan sahaja berlainan malahan yang sangat tua. Masaelah2 timbul dan akan terus timbul dan ini berkehendakkan diplomasi, bertimbang rasa dan kesabaran bagi semua pihak. Pemimpin2 kita mesti-lah tahu bila harus mereka bertolak-ansor dan bila mereka harus tegas, dan ra'ayat semua mesti-lah tahu kepada siapa mereka patut memberikan sokongan mereka. Malang-nya kita sering kali menganggap orang2 lain sebagai musuh kita. Tetapi yang sa-benar-nya kita semua ada-lah manusia biasa dan patut-lah berbaik2 antara satu dengan lain.

Ada kala di-sebutkan bahawa pemberontakan tidak di-sebabkan oleh pertumpahan darah. Yang sa-benar-nya perubahan2 besar berlaku kepada perlembagaan melalui perbincangan dan bukan dengan berperangan, ia itu melalui proses evolusi dan bukan-nya dengan proses revolusi; dan sekali pun senjata2 di-gunakan, pada kebiasaan-nya pena itu dapat mengalahkan pedang. Idea2 ada-lah lebeh berpengaruh daripada benet2.

Sebagai warganegara kita patut lebeh memikirkan tentang menjalankan dan memikul tanggung-jawab kita daripada menuntut hak2 kita. Negara kita akan hanya menjadi kuat dan bersatu dan hidup tenteram, harmoni dan ma'amor jika sekira-nya warganegara2 kita insaf tentang kewajipan dan tanggung-jawab masing2. Berkorban untuk negeri kita dengan apa chara pun ada-lah satu tanggung-jawab yang suchi, dan tidak ada ma'ana-nya hidup kalau sa-saorang itu takut bekerja, ta'mahu menyusahkan diri dan menghadapi bahaya dan maut, atau mengelakkan diri daripada berkhidmat kepada negeri-nya atau untuk mempertahankan kehormatan-nya, kerana maut itu tidak dapat di-elakkan dan kemashoran yang di-perolehi akan berkekalan.

Saudara2 kita yang susah dan miskin hendak-lah di-beri pertolongan. Mereka yang berada mesti-lah bersedia dan sanggup membantu dan menolong. Menolong orang lain bukan-lah perkara yang mudah tetapi berkehendakkan pemikiran yang tenang dan waras serta juga hati yang jujur dan ikhlas.

Negara kita ini muda dan lebeh2 lagi berkehendakkan pemimpin2 - dalam semua lapangan - dalam politik, perdagangan dan perusahaan, perindustrian, pelajaran dan di-bidang2 professional yang lain, perkhidmatan awam, dan agama dan lain2 lagi. Kita juga berkehendakkan pemimpin2 bagi semua peringkat - kebangsaan, negeri, di-kawasan2 bandar dan terutama sekali di-kawasan2 luar bandar.

Dari segi pimpinan politik, apa-kah qualiti2 yang patut ada pada sa-saorang ahli politik itu? Qualiti2 ada-lah sama pada kebiasaan-nya seperti yang terdapat pada masa2 yang lampau dan pada masa sekarang ini. Qualiti2 itu:-

- (i) Ia mesti-lah mementingkan tentang kebaikan kepada masyarakat-nya dan bukan kepada kebaikan diri-nya sendiri.

- (ii) Ia mesti-lah mempunyai penilaian yang praktik dan juga kebolehan<sup>2</sup> dan pengetahuan yang tertentu yang di-perlukan oleh sesuatu pekerjaan itu.
- (iii) Ia mesti-lah mempunyai ketegasan dan keberanian untuk membuat kesalahan atau menjadi tidak popular.
- (iv) Dan, lebeh<sup>2</sup> lagi, ia mesti-lah mendapat kepercayaan dan keyakinan daripada orang ramai.

Salah satu daripada halangan yang besar terhadap pimpinan politik yang baik ada-lah keengganan orang<sup>2</sup> yang chekap memikul bebanan pentadbiran.

Perpaduan ada-lah matlamat yang penting sekali di-negara kita ini. Rancangan Malaysia Yang Kedua mementingkan perpaduan dari segi sosial dan pembahagian pendapatan dan peluang yang adil dan saksama demi untuk perpaduan dan kemajuan negara. Rancangan ini mempunyai dua-dasar yang tertentu untuk pembangunan. Yang pertama ia-lah untuk mengurangkan dan akhir-nya menghapuskan kemiskinan dengan meninggikan lagi pendapat di-semua perengkat dan menambahkan peluang<sup>2</sup> pekerjaan bagi semua raayat Malaysia tidak kira bangsa dan keturunan mereka. Dasar yang kedua mempunyai tujuan untuk mempercepatkan lagi proses membentok semula masyarakat Malaysia dengan tujuan untuk mempersaibangkan keadaan ekonomi raayat, supaya mengurangkan dan akhir-nya nanti menghapuskan pengenalan sa-suatu bangsa menerusi peranan ekonomi mereka dalam ekonomi negeri ini.

Tiap<sup>2</sup> orang raayat di-negeri ini mahu pun tua atau muda mempunyai peranan-nya masing<sup>2</sup>. Mereka<sup>2</sup> yang muda hendak-lah menumpukan kepada pelajaran mereka dan menggunakan segala kemudahan<sup>2</sup> yang tersedia supaya mereka akan menjadi layak dan terlatah untuk menyumbang dan memainkan peranan mereka dalam pembangunan negara kita kemudian hari. Gulongan tua mestilah mempunyai keyakinan terhadap untong nasib negara kita dan kejayaan kita untuk menchapai perpaduan negara. Kita yakin bahawa raayat negeri ini akan menyahut seruan ini sabagaimana mereka telah lakukan beberapa kali dahulu. Kita sedia maalum bahawa di-kalangan raayat negeri ini, terdapat lebeh ramai yang mempunyai minat dan kesejahteraan negara kita di hati mereka daripada mereka yang taat setia-nya di-tujukan ka tempat lain.

Saya telah sebutkan tadi bahawa generasi yang akan datang adalah di bentokkan oleh sekolah<sup>2</sup>, maktab<sup>2</sup> dan universiti<sup>2</sup> kita hari ini. Kementerian Pelajaran sapenoh-nya sedar tanggung jawab ini. Kementerian ini akan berusaha bersungguh<sup>2</sup> untuk menjalankan tanggung jawab ini. Tetapi tanggung jawab mengeluarkan warganegara masa akan datang yang terpelajar, bijak, berdisiplin dan berguna bukanlah semata<sup>2</sup> tanggung jawab Kementerian Pelajaran. Ia-nya adalah tanggung jawab bersama di kalangan guru<sup>2</sup>, ibu bapa dan masyarakat pada keselurohan-nya.

Untuk melaksanakan pelajaran dengan berkesan kita hendak-lah menimbangkan pengamatan murid<sup>2</sup>, keperluan murid<sup>2</sup> serta chita<sup>2</sup> mereka. Ini boleh di-jalankan dengan lebeh mudah lagi jika kita mengetahui kesulitan<sup>2</sup> serta chita<sup>2</sup> mereka. Oleh itu kita perlu menyemak semula dan melengkapkan bidang pelajaran dan untuk menchapai tujuan ini sa-buah Pusat Pembangunan Bidang Pelajaran perlu di-tubuhkan supaya pelajaran dapat di-salorkan untuk mengeluarkan bukan sahaja manusia yang terpelajar tetapi juga belia<sup>2</sup> yang lengkap sebagai warganegara. Kementerian Pelajaran akan menubuhkan Pusat Pembangunan Bidang Pelajaran tidak lama lagi yang mana bukan sahaja menentukan apa dan setakat mana yang patut di-ajar malahan juga mementingkan tentang pengamatan<sup>2</sup>, keperluan<sup>2</sup>, kesulitan<sup>2</sup> dan chita<sup>2</sup> murid<sup>2</sup>.

Apa-kah komponen2 dalam sistem sekolah yang di-arahkan untuk mengujudkan kewarganegaraan? Ada-kah kita memberikan pelajaran yang berkesan dalam menyediakan belia2 kita dengan sa-chukup-nya supaya mereka boleh memainkan peranan2 mereka pada masa yang akan datang sebagai orang2 dewasa dan warganegara? Memandangkan kepada perkara itu, dapat-lah di-lihat bahawa satu infra-structure ujud dan ini ada-lah sesuai bagi menchapai kedua matlamat ini.

Pelbagai mata pelajaran yang terdapat dalam bidang pelajaran, samada mata2 pelajaran satera, sains, atau teknikal ada-lah di-ajar bukan-lah semata2 untok mendapatkan kenyataan2, maklumat2 dan ilmu pengetahuan sahaja. Perkaitannya dengan kehidupan orang dewasa sa-hari2 tidak dapat di-nafikan. Sejajar dengan satu masharakat yang mengalami perubahan, perhatian yang sepatut-nya telah dan sedang di-tumpukan terhadap pelajaran sains di-sabelah pehak dan pelajaran tata ra'ayat di-pehak yang lain. Peri mustahak-nya pengajaran mata2 pelajaran ini ada-lah sejajar dengan prinsip2 Rukunegara - ia itu mengujudkan suatu chara kehidupan yang demokratik dan membena suatu masharakat yang dapat mensesuaikan diri dengan kemajuan sains dan teknologi sambil memupok nilai2 yang suchi.

Yayasan2 pelajaran dan pusat2 latehan semata2 tidak menjamin pembangunan tenaga manusia menurut keperluan2 negara. Untok menolong belia2 dalam pertumbuhan mereka kearah kedewasaan kita hendak-lah membantu mereka dalam proses membuat keputusan, menolong dalam menyelesaikan masaelah2 mereka, menolong dalam proses memilih lapangan pelajaran atau latehan yang sesuai kearah dunia pekerjaan dan menchapai taraf sa-orang ahli masharakat yang berguna. Ini pada pendapat saya ada-lah simbol kedewasaan yang sabenar-nya, dan itu-lah sebab-nya mengapa kita menubuhkan perkhidmatan2 bimbingan di-sekolah2. Meski pun perkhidmatan2 bimbingan tidak dapat memenohi segala keprluan kanak2 namun demikian perkhidmatan itu boleh menolong sa-saorang itu menilaikan kekuatan serta kelemahan-nya, minat, kebolehan dan keupayaan-nya dan memilih kerja yang sesuai. Dengan chara ini dapat-lah mereka menjadi sa-orang dewasa yang berguna dan bertanggung-jawab. Oleh itu pendidekan dan bimbingan ada-lah di-salorkan dalam persediaan belia2 untok masa dewasa.

Dengan itu kita tidak sa-harus-nya berpuas hati dengan apa yang telah di-chapai dalam lapangan pelajaran untok kewarganegaraan. Patut-lah kita bertanya samada ektiviti2 yang lain patut di-galakkan untok menyatupadukan unsur2 kebudayaan yang sama. Permulaan-nya telah pun di-buat dengan memberikan perhatian dan sokongan yang sepatut-nya kepada belia. Seminar saperti ini ia-lah satu lagi bukti usaha kita untok mengujudkan satu rupabangsa Malaysia yang akan datang, yang bertanggung-jawab, dinamik dan penoh dedikasi dalam pembenaan dan perpaduan negara.

Perhubungan di-antara pelajaran dan kewarganegaraan sentiasa menarek minat saya. Oleh itu saya akan mengikuti dengan teliti segala perbinchangan dan akan mempertimbangkan dengan sewajar-nya segala shor2 yang akan di-buat.

Tuan2 dan puan2 sekalian dengan ini saya dengan amat sukachita-nya merasmikan Seminar ini.



No Siri .....	57
No Penerimaan .....	57/80